KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	13/1/2022 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	39
JABATAN	:	SURUHANJAYA TENAGA			

BH 13.1.2022_39

Harga arang batu tinggi jejas sektor tenaga

Arang batu adalah antara sumber utama tenaga bagi penjanaan elektrik di seluruh dunia dan Malaysia mengimport sepenuhnya komoditi ini yang berperanan besar dalam skim tenaga negara.

Susulan harga arang batu global meningkat tinggi, keadaan itu memberi tekanan ke atas industri penjanaan tenaga di negara ini.

Harga arang batu melonjak untuk mencatatkan harga tertinggi pada AS$270 satu tan pada Oktober lalu dan berada pada AS$203 satu tan setakat 10 Januari 2022.

Prestasi harga itu berlaku ketika permintaan terhadap arang batu mencecah paras tertinggi pada 2021, namun bekalannya masih terhad.

Arang batu dan gas asli digunakan untuk menjana hampir 93 peratus elektrik di Semenanjung, kos yang membentuk hampir 36 peratus daripada tarif elektrik asas pada masa ini.

Buat masa ini, Malaysia masih amat bergantung kepada penjanaan tenaga daripada arang batu dan membeli sebahagian besar keperluannya dari Indonesia (63 peratus), diikuti Australia (24 peratus), Rusia (11 peratus), dan Afrika Selatan (dua peratus).

Menurut Agensi Tenaga Antarabangsa (IEA), harga gas dan arang batu yang lebih tinggi di Eropah, termasuk Sepanyol dan Jerman, ditambah kenaikan harga karbon Eropah, mendorong harga elektrik menjadi lebih tinggi.

Di Jerman, harga elektrik melonjak kepada paras tertinggi dalam sejarahnya pada minggu lalu, iaitu melebihi enam kali ganda berbanding setahun lalu.

Di Sepanyol pula, dengan penjanaan tenaga menggunakan gas berperanan besar dalam menetapkan harga elektrik maka, kenaikannya adalah lebih tinggi.

"Kenaikan harga dijangka mengakibatkan tekanan meningkat terhadap bil tenaga isi rumah dan juga menimbulkan risiko yang lebih meluas ke atas aktiviti ekonomi, terutama bagi sektor yang terdedah secara langsung kepada kenaikan harga.

"Banyak kerajaan sudah mengambil langkah untuk mengurangkan bil elektrik, khususnya bagi pengguna rentan," jelas IEA.

Pakar berkata, banyak perniagaan berkemungkinan menghadapi kesan berganda akibat kenaikan kos tenaga dan potensi penurunan perbelanjaan pengguna disebabkan perbelanjaan isi rumah berkaitan tenaga meningkat.

"Kenaikan harga tenaga sebenarnya memberi kesan kepada operasi industri berintensifkan elektrik dan beberapa syarikat sudah mengehadkan sementara pengeluaran ammonia dan baja, berikutan margin yang semakin merosot ekoran kenaikan harga gas yang ketara," tambahnya.

Harga arang batu serta gas asli global meningkat buat kali pertama dalam beberapa dekad selepas permintaannya melonjak di Asia, Eropah dan Amerika Syarikat (AS).

Kenaikan kos penjanaan elektrik perlu diselaraskan dalam bentuk kadar Kos Pelepasan Tidak Seimbang (ICPT).

Ini akan membolehkan syarikat utiliti meneruskan kerja penyelenggaraan, membayar vendor/pengeluar tenaga bebas untuk kerja dan penjanaan bekalan elektrik mereka.

Di Semenanjung, tarif elektrik ditentukan oleh kerajaan melalui rangka kerja yang diterima secara global yang dipanggil Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR).

Ia membolehkan mekanisme ICPT membenarkan pelarasan harga bahan api bagi sektor elektrik setiap enam bulan.

Perubahan harga bahan api untuk penjanaan elektrik ditonjolkan sebagai kadar rebat atau surcaj yang berbeza-beza.

Kestabilan industri elektrik terjejas disebabkan harga bahan api yang tinggi, yang menyebabkan kenaikan kos termasuk tekanan kepada syarikat utiliti untuk menyediakan elektrik dan ini akan menjejaskan jaminan bekalan elektrik negara.

Syarikat utiliti tidak boleh diharap untuk terus menanggung kos yang tidak dijangka atau tidak terkawal (kos bahan api untuk penjanaan).

Di samping itu, dengan penutupan beberapa pencawang berikutan banjir baru-baru ini, syarikat utiliti seperti Tenaga Nasional Bhd (TNB) menanggung kos operasi yang tinggi dan terpaksa bekerja keras bagi memastikan keseimbangan yang betul antara kebolehpercayaan bekalan serta ketercapaian.

Penganalisis berpendapat, walaupun kesan mekanisme ICPT adalah neutral ke atas TNB, pengenaan surcaj buat kali pertama selepas tujuh kitaran rebat menunjukkan bahawa rebat ICPT tidak dapat dikekalkan jika harga arang batu dan gas terus melonjak.

"Memandangkan kedua-dua bahan api ini adalah diimport, ringgit yang lemah berbanding dolar AS hanya akan memburukkan lagi keadaan," kata mereka.

BERNAMA